

31/08/2001

Safura nyanyikan Melayu Mudah Lupa

KUALA LUMPUR, Khamis - Sajak Melayu Mudah Lupa yang dibacakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno Mei lalu, akan didendangkan buat pertama kalinya oleh penyanyi Safura di Malam Deklarasi Angkasapuri, 2 September ini.

Melodi bagi sajak itu digubah oleh penggubah lagu puisi terkenal, Ibrahim Bachik. Beliau sebelum ini pernah menggubah melodi bagi sajak karya Sasterawan Negara, Usman Awang, bertajuk Kekasih.

Perdana Menteri dijangka hadir pada majlis berkenaan yang dianjurkan bersama oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan akhbar Berita Harian.

Buat julung kali Simfoni Orkestra RTM akan mengiringi deklamasi sajak berkenaan diselang-selikan dengan lagu puisi.

Turut sama memeriahkan malam bacaan puisi itu termasuk seorang lagi penyanyi tanah air, Nora, yang akan membawakan sebuah lagu puisi yang dipersembahkan khas buat Dr Mahathir.

Selain Nora, Ramli Sarip akan menyanyikan lagu puisi dari sajak ciptaan A Samad Said bertajuk Ufuk Nurani, manakala M Nasir pula mendendangkan lagu Bila Rumi Menari.

Penyanyi berasal dari Johor, Ramlah Ram pula akan membawakan lagu Menunggu Pertemuan ciptaan Datuk A Aziz Deraman, manakala Ahmad Ramli membawakan lagu puisi berjudul Katakan Padaku ciptaan Latiff Mohidin.

Tidak ketinggalan, Tengku Khaleeda Tengku Bidin yang akan mendeklamasikan sajak Aku Anak Kroni yang digubah khas oleh tokoh sastera, Prof Madya Rahman Shaari.

Tema pada Malam Deklarasi Angkasapuri itu amat istimewa kerana pada malam itu sebuah sajak terpanjang yang dicipta khas Tan Sri Samad Ismail akan disampaikan Kumpulan Ibrahim Bachik.

Orang ramai yang berminat menyaksikan penyanyi dan pendeklamator terkenal mendendangkan lagu puisi, boleh mengambil tiket dan kad jemputan dari Balai Pengawal pintu masuk Angkasapuri, mulai hari ini.

(END)